

8) PANGSAPURI

Adun : Y.B. Tuan Dr. Quah Perng Fei (N45 Bandar Baru Klang)

Kategori : Bertulis

Sesi : 1 (2024)

Sub soalan :

- a) **Berapakah jumlah keseluruhan pangsapuri ,flat dan kondo dalam senarai yang terdapat di DUN Bandar Baru Klang?**

JAWAPAN SOALAN A) DAN B) TELAH DISEDIAKAN OLEH PESURUHJAYA BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK) SEPERTI DI LAMPIRAN.

- b) **Berapakah jumlah dalam senarai tersebut yang tidak mempunyai *Joint Management Body* (JMB)?**

JAWAPAN SOALAN A) DAN B) TELAH DISEDIAKAN OLEH PESURUHJAYA BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK) SEPERTI DI LAMPIRAN.

- c) **Apakah garis panduan untuk menyelesaikan masalah penduduk jika PBT atau pesuruhanjaya bangunan lambat untuk ambil tindakan?**

JAWAPAN TELAH DISEDIAKAN OLEH PESURUHJAYA BANGUNAN MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK) :

Punca kuasa Jabatan COB adalah berdasarkan Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Akta 757 memfokuskan Mesyuarat Agung Tahunan, pengurusan Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC), Pemaju dan Ejen Pengurusan. Bagi menjawab pertanyaan berkenaan garis panduan : Akta 757 hanya mengandungi garis panduan bagi permasalahan kebocoran antara tingkat sahaja (Peraturan 55 - Peraturan 64). Oleh itu, bagi masalah lain yang berlaku di kawasan strata, sebagai contoh tambahan bangunan, ubah kegunaan bangunan, rumah sesak, banjiriran warga asing dan haiwan liar akan dipanjangkan kepada Jabatan dalaman yang mempunyai punca kuasa untuk mengambil tindakan yang sewajarnya.